

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, November 21, 2019 1:52 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pensyarah Komunikasi UUM Terima Emerald Literati Award 2019



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

21 NOVEMBER 2019 / 24 RABIULAWAL 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: SMMTC

PENSYARAH KOMUNIKASI UUM TERIMA EMERALD LITERATI AWARD 2019



UUM ONLINE: Tiada yang lebih membanggakan Universiti Utara Malaysia (UUM) apabila pensyarah dari Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC), Prof. Madya Dr. Bahtiar Mohamad telah dianugerahkan *Highly Commended Paper Award* bagi Emerald Literati Award 2019, baru-baru ini.

Beliau menerima anugerah tersebut bagi artikel bertajuk '*Antecedents and Consequences of Corporate Communication Management (CCM): An Agenda for Future Research*' yang telah diterbitkan dalam jurnal The Bottom Line, Vol. 31, Issue 1 dan jurnal itu juga telah diberikan penarafan Q2 dalam Scopus Index Journal dan SJR Scimago 2018.

Dr. Bahtiar berkata, anugerah yang diterima itu merupakan satu pengiktirafan kepada pensyarah UUM di peringkat antarabangsa.

"Dengan pengiktirafan ini, secara tidak langsung membantu menyumbang kepada keternampakan (*visibility*) UUM dan pada masa sama, ia mampu meningkatkan reputasi universiti dalam bidang penyelidikan dan penerbitan karya ilmiah di arena antarabangsa.

"Saya juga tidak sama sekali menjangkakan untuk menerima anugerah ini kerana penjurian bagi pemilihan dilakukan dengan sangat ketat," katanya yang juga merupakan Dekan PPA CAS.

Beliau berkata, Lembaga Penasihat Editorial (EAB) jurnal terbitan Emerald dijemput untuk memilih pemenang anugerah dari artikel yang diterbitkan oleh jurnal tersebut sepanjang tahun 2018.

Menurutnya, editor akan menyenarai pendek artikel yang terbaik untuk dicalonkan dan kemudian EAB akan memilih tiga artikel dengan memberikan skor 1 hingga 3, kemudian pemenang yang mendapat undian tertinggi akan dipilih.

Katanya, kriteria ditetapkan sebagai prasyarat dalam pemilihan artikel terbaik ialah sumbangan sesuatu yang baharu kepada '*body of knowledge*', struktur dan persembahan artikel yang menarik, penulisan yang baik, 'rigor' dari segi hujah atau analisis, relevan dari segi amalan dan penyelidikan lanjutan, terkini dari segi topik dan rujukan dan artikel yang terbaik harus mempunyai 'X-factor' iaitu sesuatu yang menjadikannya menonjol dari yang lain yang membolehkan EAB dapat mengenalpasti keunikan tersebut.

Selain Dr. Bahtiar sebagai penulis pertama, artikel berkenaan turut membariskan tiga penulis bersama iaitu Bang Nguyen dari East China University of Science and Technology; TC Melewar dari Middlesex University London dan Rossella Gambetti dari Catholic University of the Sacred Heart, Milan.

Anugerah telah disampaikan oleh Pengurus Perniagaan bagi Asia Timur, Emerald Publishing, Elvin Cheah.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.